

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 9 / 3 / 2008

PM menghadap Agong esok

Um - 9/3/2008

KUALA LUMPUR 9 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Isnin ini bagi membentuk kerajaan Barisan Nasional (BN) di peringkat Pusat.

Pada sidang akhbar yang diadakan tepat pukul 2.25 pagi ini, Abdullah berkata, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memaklumkan BN mendapat keputusan yang membolehkan kerajaan dibentuk dengan majoriti mudah pada pilihan raya umum semalam.

Dalam sidang akhbar mengumumkan kemenangan BN dengan beliau hanya menjawab empat soalan daripada pemberita, beliau berkata: "Ada pelbagai mesej (daripada pilihan raya umum ini). Kita menerima mesej-mesej itu."

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, beliau akan menghuraikan perkara itu dalam satu sidang akhbar lain.

Sidang akhbar tersebut diadakan di bilik mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan bukannya di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang sepatutnya menjadi tempat sambutan kemenangan BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

Dalam suasana muram, Abdullah yang ditemani isterinya Datin Seri Jeanne Abdullah dan Timbalan Perdana Menteri,

Datuk Seri Najib Tun Razak ditanya adakah beliau menghadapi tekanan untuk meletakkan jawatan ekoran kekalahan banyak kerusi BN dalam pilihan raya umum kali ini di peringkat Parlimen dan DUN.

Katanya: "Saya tidak tahu siapa yang tekan saya."

Ditanya sama ada keputusan pilihan raya semalam merupakan undi tidak percaya terhadap kepimpinannya, Abdullah menjelaskan:

"Saya tidak lihat begitu. Ini adalah pendirian rakyat yang mahu supaya mereka menyatukan kekuatan mereka dan tidak beri majoriti dua per tiga kepada kerajaan BN."

Sidang akhbar yang diadakan itu berakhir dalam tempoh tidak sampai lima minit. Ketika itu BN telah pun memenangi 130 kerusi di Dewan Rakyat.

Diminta mengulas kekalahan banyak calon-calon BN, Perdana Menteri menjawab ringkas: "Sudah kalah, kalahlah."

ABDULLAH Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak meraikan kemenangan Barisan Nasional membentuk semula kerajaan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, malam tadi.

